

|            |                |         |       |
|------------|----------------|---------|-------|
| TARIKH     | 02 / 05 / 2014 | SEKSYEN | DUNIA |
| MUKA SURAT | 39             | RUANGAN |       |

# Vaksin MERS-CoV hampir ditemui

**Riyadh:** Penawar atau vaksin bagi Sindrom Pernafasan Asia Barat-Virus Korona (MERS-CoV), yang melanda wilayah negara Arab semakin hampir diperolehi.

Dua kajian yang disiarkan beberapa jurnal sains terkenal Isnin lalu menyatakan beberapa antibodi dikenal pasti boleh digunakan untuk menghasilkan penawar atau rawatan vaksin ke atas virus penyakit itu.

Kajian yang diketuai saintis China disiarkan *Jurnal Sains Perubatan Translational* menyatakan dua antibodi dike-

nali MERS-4 dan MERS-27 boleh melindungi sel daripada dijangkiti MERS-CoV.

Kajian ditaja Kementerian Kesihatan China dan Insititut Bagi Penyakit Berjangkit dan Alahan, Institut Kesihatan Kebangsaan.

Kajian oleh Institut Barah Dana-Farber, Harvard bersama dengan saintis dari Universiti North Carolina di Chapel Hill, menyatakan pihak mereka menemui tujuh antibodi neutral untuk menangani jangkitan itu.

Kajian dibiayai Agensi Projek Penyelidikan Lanjutan Per-

tahanan Amerika Syarikat dan Insititut Kesihatan Kebangsaan. Hasil kajian itu disiarkan jurnal *Proceeding of the National Academy of Sciences*.

Sementara itu dua lagi mati kematian akibat virus MERS-CoV dilaporkan di Arab Saudi kelmarin menjadikan jumlah yang terkorban meningkat kepada 107 orang, kata Kementerian Kesihatan.

## 16 kes baru dikesan

Sebanyak 16 kes baru juga dikesan dalam tempoh 24 jam lalu. Jumlah keseluruhan kes yang dikesan di negara itu kini adalah 361 kes, kata kementerian dalam laman webnya mengenai MERS-CoV.

Katanya, dua kematian itu membabitkan seorang lelaki berumur 41 tahun di barat laut bandar Tabuk dan seorang lelaki berusia 88 tahun di Riyadh.

## FAKTA NOMBOR

# 361 kes

MERS-CoV dilaporkan berlaku di Arab Saudi

Daripada 16 kes baru yang dikesan, tujuh adalah di Riyadh, tiga di Jeddah, dua di Tabuk, serta masing-masing seorang di Makkah, Madinah, Najran dan Hafr Al-Batin.

Kebanyakan daripada kes baru itu membabitkan mereka yang berusia lebih 50 tahun serta menghidap penyakit lain seperti masalah jantung yang kronik, tekanan darah tinggi dan diabetes.

**AGENSI**